



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)  
Agensi Kementerian Pembangunan Luar Bandar

## KENYATAAN SEBUT HARGA

(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

**CADANGAN MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN KURSUS PENINGKATAN KEMAHIRAN UNTUK PENSYARAH PROGRAM NAIKTARAF DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DI INSTITUT KEMAHIRAN MARA (IKM)**

NO. SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TEMPOH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT SEBUT HARGA	HARGA SENASKHAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP
086/2019/09	221110	29/04/2019 Hingga 07/05/2019	08/05/2019 Pendaftaran : 9.00 Pagi Sesi Taklimat : 9.30 Pagi  BAHAGIAN KEMAHIRAN DAN TEKNIKAL, Tingkat 20, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur	RM 5.00	13/05/2019 (Sebelum 12.00 tengah hari)

2. Pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen:-
- Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
  - Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
- Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan MARA semasa membeli dokumen. MARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.
3. Dokumen sebut harga boleh diperolehi pada waktu pejabat (8.30 pagi - 1.00 ptg, 2.00 ptg - 4.30 ptg) seperti alamat di bawah. Dokumen sebut harga tidak akan dijual selepas tempoh ini.
4. Pembekal yang berminat **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri taklimat seperti alamat di atas. Wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat dan membeli dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** yang dibenarkan menghadiri taklimat dan membeli dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA** dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA sebagai pengesahan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan mengambil satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan dan taklimat sebut harga tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh MARA semasa menghadiri taklimat sebut harga.
5. Bayaran dokumen sebut harga boleh dibuat secara **WANG POS** atas nama **MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)**. Bayaran boleh dibuat di Kaunter Bayaran MARA, Tingkat 2, Lot 3.09, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur. Wang ini tidak akan dikembalikan.
6. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.
7. **MARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **MARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan **No. Sebut Harga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di pejabat :

**Pengarah**  
**Bagian Pengurusan Aset dan Perolehan MARA**  
**Tingkat 2 (Kaunter Tender), Lot 3.15, Ibu Pejabat MARA,**  
**50609 Kuala Lumpur**

Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga jam 12.00 tengahari

9. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebut harga tidak akan diterima. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>